

KENYATAAN AKHBAR

KAJIAN PENGANGKUTAN DI KAWASAN PETALING JAYA

Isu utama pembangunan MAMPAN adalah hubungkait antara pengangkutan dan guna tanah. Sistem pengangkutan memberi kesan besar kepada corak guna tanah terutamanya di dalam memilih lokasi tempat kediaman dan pusat perniagaan yang strategik.

Permintaan terhadap corak guna tanah yang berselerak dan ini menjadikan perancangan bandar tidak MAMPAN dalam jangka masa panjang. Pertumbuhan bandar dinamik tidak akan berlaku dengan lebih banyak trafik dan kapasiti jalan yang tinggi. Keutamaan kepada penyediaan jalan raya tanpa mengambilkira mod pengangkutan yang lain seperti bas, basikal dan pejalan kaki di dalam sesuatu pembangunan akan meningkatkan jumlah kenderaan persendirian masuk ke pusat bandar dan menyebabkan kesesakan lalulintas.

Prinsip “placemarking” merupakan asas bagi mencapai perancangan guna tanah bersepadu dengan pengangkutan. Jika bandar di rancang untuk kenderaan dan lalulintas, maka kita akan mendapat kenderaan dan lalulintas sebaliknya sekiranya kita merancang untuk manusia dan ruang, maka kita akan mendapat manusia dan ruang. Oleh itu, kita perlu memilih untuk merekabentuk jalan-jalan bagi kesejahteraan manusia.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) komited untuk melaksanakan prinsip pembangunan MAMPAN di Petaling Jaya. Rangka kerja dasar perancangan “PJ Sustainable 2030” menetapkan lima hala tuju utama iaitu “alam sekitar lestari”, “ekonomi berdaya saing”, “budaya dan komuniti harmoni”, “bandaraya berdaya huni” dan “urus tadbir baik”.

Selaras dengan halatuju menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya berdaya huni, perancangan guna tanah akan dilaksanakan secara bersepadu dengan perancangan lalulintas dan pengangkutan bagi mencapai matlamat kemudahan kepada penduduk, kesejahteraan dan dengan kos yang minima.

Kawasan-kawasan tumpuan penduduk terutama kawasan golongan sederhana dan berpendapatan rendah dilengkapi dengan pengangkutan awam yang cekap. Ruang-ruang yang selama ini terpaksa digunakan untuk tempat letak kereta persendirian boleh digunakan bagi kemudahan awam seperti kawasan rekreasi atau dewan orang ramai. Had penggunaan guna tanah akan ditetapkan oleh keupayaan infrastruktur sedia ada dan keupayaan tambahan hasil dari langkah pembaikan yang akan dibuat berdasarkan kajian ini.

Sejajar dengan kepesatan pembangunan, Petaling Jaya akan dibangunkan dengan konsep “smart growth” serta “compact city”. Pembangunan “vertical” akan digalakkan supaya ruang-ruang yang diijamatkan boleh digunakan untuk penyediaan kemudahan awam. Strategi pembangunan pengangkutan bersepadu melalui

perancangan guna tanah juga menerapkan konsep pembangunan berasaskan transit (TOD) dan pembangunan bercampur, bagi meningkatkan kelancaran pergerakan lalulintas di Petaling Jaya. Pembangunan TOD akan meningkatkan mobility melalui penyediaan “feeder service”, pejalan kaki, penyediaan kemudahan awam dan sosial seperti “bicycle lane” dan pembangunan berdasarkan kaedah “green building”.

Kajian pelan induk ini juga akan melihatkan keseluruhan aspek sistem dan hirarki serta kesesuaian jalan-jalan sedia ada mengikut fungsi asal perancangan. Pada masa kini, kebanyakan lebuh raya yang melalui Petaling Jaya digunakan dan berfungsi sebagai jalan tempatan (local road). Bagi mendapai sistem pengangkutan mampan, nisbah mod pengangkutan (modal split) perlu ditingkatkan daripada pengangkutan persendirian : pengangkutan awam 80:20 kepada 50:50 menjelang tahun 2030. Bagi menggalakkan penukaran mod pengangkutan persendirian kepada pengangkutan awam, Majlis perlu menyediakan sistem pengangkutan awam yang efisien di samping mempromosikan penggunaan basikal dan laluan pejalan kaki sebagai pilihan utama mod pengangkutan. AKedah “traffic calming” mengurangkan kelajuan kenderaan dan bilangan kenderaan memasuki Pusat-Pusat Bandar di Petaling Jaya dengan kemudahan Park ‘n’ Ride serta feeder service yang efisien.

Ke arah mencapai matlamat pembangunan mampan melalui strategi pembangunan guna tanah bersepadu dengan sistem pengangkutan dan lalulintas, Majlis telah melaksanakan langkah-langkah berikut:-

- i. Perkhidmatan Bas Komuniti
- ii. Perkhidmatan Van Transit OKU
- iii. Penyediaan perkhidmatan bas percuma (free feeder bus)
- iv. Pembinaan Park ‘n’ Ride
- v. Pelaksanaan Sistem Jalan Sehalu di Jalan Utara, Jalan Timur, Jalan Barat dan Jalan Sultan, Seksyen 52 Petaling Jaya.
- vi. Tempat caj kereta elektrik percuma

Penyediaan Pelan Induk Pengangkutan yang dilaksanakan pada masa ini akan mengkaji sistem pengangkutan dan lalulintas secara holistic mengambilkira hubungan di antara perancangan guna tanah, sistem rangkaian jalan raya, sistem berasaskan rel, pengurusan lalulintas dan pengangkutan awam, sistem letak kenderaan, isu pergerakan kenderaan perdagangan dan isu pelepasan karbon dioksida daripada sistem pengangkutan ke arah menjadikan Petaling Jaya Bandar Raya mampan menjelang 2030.

Bagi tujuan itu, Majlis telah melantik Perunding Trafik Tetuan Unit Perundangan Universiti Malaya untuk menjalankan kajian khusus bagi mengkaji dan mengenalpasti masalah pengangkutan sedia ada bagi seluruh kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya secara holistik dengan mengambilkira hubungan diantara sistem trafik, guna tanah, sistem pengangkutan awam, sistem letak kenderaan, isu pergerakan kenderaan perdagangan dan isu pelepasan karbon dioksida daripada sistem pengangkutan.

Satu **PELAN INDUK PENGANGKUTAN PETALING JAYA** akan disediakan bagi merumus cadangan penambahbaikan ke atas sistem pengangkutan di Petaling Jaya yang akan mencangkupi pelan tindakan jangka pendek, jangkamasa pertengahan dan jangkamasa panjang sehingga tahun 2025 yang boleh dilaksanakan oleh Majlis.

Kerja-kerja pengumpulan data trafik telahpun bermula di tapak pada 1 Mei 2014 dan telahpun siap pada 24 Jun 2014. Kerja-kerja kajian secara keseluruhannya dijangka akan dapat disiapkan pada penghujung Januari 2015.

Bagi memantau dan memandu perjalanan serta pelaksanaan syor hasil kajian, Majlis telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai 6 orang Ahli Majlis dan Jabatan-Jabatan Majlis, serta beberapa badan professional, Jabatan-Jabatan Teknikal Majlis dan juga Teknikal luar dan Pihak Berkuasa Tempatan yang bersempadan dengan Majlis seperti berikut :-

1. Badan Profesional melibatkan IEM, MIP dan MITRANS dari UiTM
2. Jabatan Teknikal luar melibatkan SPAD, JKR, LLM, MIROS, MOT
3. Pihak Berkuasa Tempatan melibatkan DBKL, MPSJ, MBSA dan juga
4. Polis Trafik Daerah Petaling dan Syarikat Prasarana Negara Berhad.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan kajian pengangkutan ini, sila layari laman web rasmi majlis www.mbpj.gov.my atau akaun facebook mbpj Petaling Jaya City Council atau hubungi Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Petaling Jaya di talian 03-7958 4221/ 03-7958 4225/ 03- 76584224 samb 103.

Sekian, terima kasih.

DATUK BANDAR PETALING JAYA